

Kemahiran Komunikasi Penutur Asing: Aplikasi Pendekatan Telefon Pintar dan Internet

MARDIAN SHAH OMAR

MASHROM MUDA

Universiti Malaya

ABSTRAK

Usaha memartabat dan mengantara bangsa budaya dan bahasa Melayu (BM) sering dikaitkan dengan pengajaran bahasa terhadap pelajar antarabangsa mahupun penutur asing yang datang ke negara ini. Pelbagai strategi telah disasarkan oleh tenaga pengajar dalam pengajaran masing-masing bagi memastikan pengajaran bahasa tersebut lebih berkesan dan mencapai matlamat yang disasarkan. Kajian ini mengambil kira penggunaan telefon pintar dalam proses pengajaran dan pembelajaran BM untuk pelajar asing sebagai salah satu strategi untuk meningkatkan kebolehan berkomunikasi pelajar. Kajian ini juga melihat keberkesanan teknik ini kepada kemahiran komunikasi bertulis pelajar yang melalui proses pembelajaran ini. Kajian ini dilakukan ke atas pelajar antarabangsa di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). Data diperolehi melalui soal selidik dan sesi temu bual bagi tujuan melihat respon subjek terhadap objektif kajian ini. Hasil kajian mendapati pelajar lebih cepat memahami dan lebih menguasai BM itu melalui teknik penggunaan telefon pintar tersebut sama ada melalui fungsi telefon pintar itu sendiri mahupun dengan penggunaan internet yang ada seperti penggunaan *YouTube*, *Google Image*, dan laman sesawang. Selain itu, pengkaji mendapati aktiviti pengukuhan yang dijalankan di dalam kelas pengajaran turut menyumbang kepada peningkatan kemahiran komunikasi pelajar asing ini. Kajian ini juga mendapati kaedah ini boleh digunakan dan diaplikasi pada mana-mana tahap pengajaran mahupun pada golongan sasaran yang berbeza.

Kata kunci: *Telefon pintar, Internet, bahasa Melayu, pelajar antarabangsa, komunikasi.*

Foreign Language Communication Skills: Smartphone and Internet Approach Applications

ABSTRACT

Efforts to uphold and diversify Malay culture and language (BM) are often linked to teaching the language to international students as well as foreign speakers who visits to this country. Various strategies have been targeted by instructors in their respective teaching to ensure that language teaching is made more effective and achieves the targeted goals. This study takes into account the use of smartphones in the teaching and learning of BM for foreign students as one of the strategies to enhance students' communication skills. This study also examines the effectiveness of this technique on the students' written communication skills through this learning process. This study was conducted on international students at University Tenaga Nasional. The data were obtained through questionnaire and interview session to meet with the purpose of the objective of this study. The result shows that students are quicker to understand and master BM through the use of smartphones either through the functionality of the smartphone itself or with the use of internet which provides the availability of *YouTube*, *Google Image*, and various websites. Additionally, researchers found that reinforcement activities conducted in teaching classes also contributed to the

improvement of communication skills of these foreign students. The study also found that this method can be used and applied at any level of teaching or at different target groups.

Keywords: Smartphones, Internet, Malay language, international students, communication

PENDAHULUAN

Pengenalan kaedah pembelajaran abad ke-21 merupakan satu transformasi dalam dunia pendidikan negara. Fenomena ini mampu merubah peranan guru daripada hanya sebagai seorang pengajar kepada seorang perancang, pembimbing, pendorong dan penilai dalam mengembangkan bakat dan potensi pelajar. Penggunaan telefon pintar dan internet yang bersifat interaktif digital merupakan salah satu medium pembelajaran yang boleh digunakan untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan. Ini adalah kerana melalui penggunaan telefon pintar dan internet, ia dapat menyepadukan pelbagai bentuk rangsangan termasuklah teks, suara, imej, grafik dan animasi serta dapat membina kebolehan inter-aktiviti yang mampu menarik minat pelajar serta menyokong perkembangan pembelajaran pelajar (Robiatul & Halimah, 2010). Melalui pembelajaran secara interaktif digital, iaitu melalui penggunaan telefon pintar dan internet, pelajar akan lebih terpikat dan terpengaruh dengan penggunaan bahan-bahan berteknologi kerana bentuk pembelajaran seperti ini mampu menarik perhatian pelajar, iaitu mempunyai gambar-gambar yang bergerak dengan warna-warna yang menarik dan sesuai dengan sifat semula jadi pelajar (Syahrul Nizam, 2009).

Kadangkala minat dan kemahiran berkomunikasi penutur asing untuk mempelajari BM menjadi merosot apabila mereka merasakan sukar untuk menguasai bahasa tersebut akibat daripada teknik atau kaedah pengajaran yang diguna pakai tidak berkesan dan membosankan. Justeru, strategi yang terbaik harus difikirkan untuk memastikan para pelajar atau penutur asing ini dapat menguasai kemahiran berkomunikasi ini dengan mudah, cepat dan lebih berkesan. Dalam era pembelajaran abad ke-21 ini penggunaan peralatan digital menjadi lebih menyeluruh, bukan hanya bergantung kepada projektor dan layar putih, tetapi termasuk komputer riba, tablet dan telefon pintar yang menjadi medium mengaplikasikan kaedah interaktif digital ini. Kaedah interaktif digital melalui penggunaan telefon pintar dan internet adalah salah satu teknik pengajaran yang boleh digunakan oleh guru dalam sesi pengajaran bahasa Melayu (BM) untuk penutur asing. Ramai guru mempercayai bahawa teknik atau kaedah interaktif digital seperti ini berkebolehan untuk menarik minat penutur asing untuk mempelajari dan memahami BM sekali gus meningkatkan kemahiran komunikasi mereka.

Persoalannya di sini, bagaimanakah kaedah seperti ini dapat diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran BM kepada penutur asing? Sememangnya telah banyak kajian lepas seperti Zamri dan Mohamed Amin (2008), Abdul Rasid Jamian, Norhashimah Hashim & Shamsudin Othman (2012), Nor Hafidah Ibrahim, Norzaliza Ghazali & Melor Fauzita Md. Yusoff (2016), Nuraihan Mat Daud (2018) serta ramai lagi yang memperkatakan tentang perkara ini namun mereka hanya membincangkan tentang kepentingan dan keberkesanannya penggunaan kaedah interaktif digital ini tanpa menjelaskan bagaimana kaedah ini diaplikasi dan disampaikan dalam pembelajaran khususnya pengajaran BM kepada penutur asing. Justeru, kajian ini hanya memfokus dan mengambil kira aspek penggunaan telefon pintar dalam pengajaran BM untuk penutur asing, iaitu pada tahap asas pengajaran dan pembelajaran BM. Kajian ini juga cuba melihat sejauh mana teknik atau kaedah yang diguna pakai dalam kelas pengajaran ini bermanfaat kepada

penutur asing dan dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi serta menarik minat pelajar asing ini dalam mempelajari dan mendalami BM.

KOSA ILMU

Kemahiran berkomunikasi dalam kalangan penutur asing adalah penting dan bukan sahaja bagi tujuan pembelajaran tetapi juga untuk kehidupan dan aktiviti sehari-hari. Richards dan Schmidts (2010, hlm. 344) menyatakan bahawa dalam proses berkomunikasi, kemahiran mendengar merupakan proses memahami pertuturan dalam bahasa pertama dan bahasa kedua. Sebagai satu proses pemahaman pertuturan, kemahiran mendengar ini merupakan satu proses kognitif yang kompleks (Rost, 1991). Hal ini diperkuuhkan lagi oleh pandangan Nunan (1998) yang menyatakan bahawa dalam proses berkomunikasi, pelajar menghabiskan 50 peratus masanya dengan aktiviti mendengar. Perkara ini disokong oleh Burley-Allen (1995) yang menyatakan bahawa dalam proses komunikasi sehari-harian, seseorang dianggarkan menggunakan 40 peratus masa untuk mendengar, 35 peratus bertutur, 16 peratus membaca dan 9 peratus menulis dalam sehari. Jadi, seseorang itu tidak kira sama ada penutur asing atau individu tertentu, akan lebih terlibat dalam aktiviti mendengar berbanding kemahiran lain seperti bertutur, membaca dan menulis. Justeru, dalam proses pengajaran dan pembelajaran BM kepada penutur asing, teknik atau kaedah penggunaan telefon pintar ini adalah bertepatan dalam usaha guru untuk meningkatkan kemahiran komunikasi bertulis pelajar asing ini dan seterusnya dapat mengukuhkan lagi kemahiran komunikasi lisan mereka.

Hari ini penggunaan telefon pintar adalah tidak asing bagi para pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT). Begitu juga dengan penutur asing yang datang belajar ke negara ini. Pelajar hari ini tidak kira sama ada pelajar tempatan mahupun yang datang dari luar negara, rata-rata memiliki telefon pintar. Kemudahan ini bukan sahaja untuk memudahkan mereka menghubungi pihak keluarga dan rakan-rakan, malah menjadi tempat untuk mereka mendapatkan pelbagai maklumat mahupun menjadi medan untuk mereka bersosial. Jadi, bagi sesetengah guru atau tenaga pengajar, mereka cuba mengambil peluang yang ada untuk memaksimakan penggunaan telefon pintar ini di dalam kelas pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu (BM). Mereka menjadikan ini sebagai salah satu strategi dalam mempelbagaikan bentuk pengajaran mereka. Bukan itu sahaja, malah guru menjadikan perkara ini sebagai strategi untuk menarik minat pelajar asing dalam mempelajari bahasa dan budaya Melayu. Kadangkala minat pelajar asing untuk mempelajari BM menjadi merosot apabila mereka merasakan teknik yang digunakan oleh guru dan cara penyampaian guru kurang menarik dan membosankan.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa banyak kajian lepas yang telah membincangkan tentang kepentingan, kelebihan dan keberkesanan pengintegrasian teknologi dalam pengajaran. Begitu juga dengan penggunaan telefon pintar dalam pengajaran yang dapat membantu guru atau tenaga pengajar mempelbagaikan cara dan kaedah pengajaran secara lebih berkesan dan seterusnya meningkatkan kemahiran berkomunikasi pelajar asing. Menurut Nor Hafidah Ibrahim, Norzaliza Ghazali & Melor Fauzita Md. Yusoff (2016) penggunaan teknologi dan interaktif digital ini adalah seperti penggunaan internet, iaitu seperti memuat turun video aplikasi YouTube, paparan rakaman video, aplikasi menggunakan iPad dan termasuklah juga penggunaan aplikasi melalui telefon bimbit. Dalam hal ini, kajian Doyle (2007) dan Azizi et al. (2009) menjelaskan bahawa pembelajaran menggunakan multimedia lebih berkesan dan sesuai diaplikasikan dalam

mana-mana mata pelajaran malah amat mudah digunakan untuk menerangkan sesuatu dalam sesi pembelajaran.

Guru yang kreatif akan sering mencari idea dalam pengajaran dan memikirkan bahan bantu mengajar yang menarik untuk memotivasi minat pelajar dan sekali gus mewujudkan daya tarikan dalam proses pembelajaran (Sharifah Nor & Kamarul Azman, 2010). Kajian Robiatul dan Halimah (2010) turut membuktikan bahawa pelajar menunjukkan tingkah laku positif apabila guru menggunakan alat bantu mengajar digital seperti penggunaan telefon pintar, internet dan perisian multimedia berbanding penggunaan alat bantu mengajar yang konvensional seperti penggunaan kad bergambar dan buku teks. Jadi di sini, pemilihan telefon pintar dan internet sebagai medium untuk merangsang minat pelajar adalah bertepatan dengan konsep pengajaran abad ke-21.

Sememangnya pelajar amat suka dan seronok belajar apabila menggunakan bahan interaktif. Kajian Blas dan Boretti (2009) menunjukkan bahawa terdapat perubahan dalam tingkah laku pelajar, iaitu dari segi penglibatan yang aktif di dalam kelas serta lebih cepat memahami apa yang diajar kepada mereka. Manakala Eristi dan Belet (2010), menjelaskan bahawa pembelajaran menggunakan media interaktif lebih berkesan dan menyeronokkan, sekali gus membantu pelajar mengatasi masalah kelemahan dari segi penguasaan pertbaharaan kata dan kemahiran kendiri. Latifah Abd Majid et al. (2011) menyatakan bahawa unsur-unsur reka bentuk grafik, teks, warna dan bunyi mampu membuatkan pelajar memberi sepenuh perhatian ketika pembelajaran berlangsung di samping kandungan silibusnya yang menepati cita rasa pelajar. Penggunaan perisian multimedia seperti DVD atau CD interaktif mampu memberikan impak yang positif ke atas kefahaman pelajar dalam proses pembelajaran mereka (Sharifah Nor & Kamarul Azman, 2011). Menurut Robiatul dan Halimah (2010) pula, perisian multimedia membolehkan pelajar melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran dalam memperkembangkan kognitif.

Banyak tulisan telah membicarakan tentang kaedah dan pendekatan pengajaran bahasa kedua seperti yang dibincangkan oleh Mora (2008) dalam tulisannya, iaitu "*Second-Language Teaching Methods: Principles and Procedures*". Begitu juga dengan beberapa penulis tempatan yang turut membincangkan isu-isu pengajaran bahasa Melayu kepada penutur asing seperti tulisan Mohd Afif (2004), Media Sandra Kasih (2004), Uthaya Sankar SB (2004), Zaitul Azma (2008) dan ramai lagi. Hasil tulisan mereka ini banyak membicarakan tentang pengalaman mereka dalam pengajaran BM kepada penutur asing dan pendekatan yang mereka gunakan dalam proses pengajaran masing-masing. Ini menunjukkan bahawa kaedah yang digunakan mereka adalah berbeza di antara seorang guru dengan guru yang lain. Menurut Mohd Afif (2004, hlm. 42), iaitu berdasarkan pengalaman pengajaran beliau di UKM, beliau berpendapat bahawa adalah sukar hendak menentukan pendekatan, objektif, kaedah dan teknik yang lebih berkesan dan terbaik untuk diguna pakai dalam meningkatkan kemahiran berkomunikasi penutur asing ini.

Kajian ini juga mengambil kira pandangan McNeil (1970) yang menyarankan bahawa skop suatu struktur sintaksis dapat menentukan pemerolehan berbahasa dan kemahiran berkomunikasi seseorang. Schlesinger (1971, 1974), dalam Zaitul Azma (2008) juga berpendapat bahawa terdapat hubungan di antara pemerolehan sintaksis dan kebolehan berkomunikasi seseorang. Pengkaji-pengkaji pemerolehan sintaksis ini beranggapan bahawa kemahiran berkomunikasi hanya bermula apabila seseorang itu mula menggabungkan dua atau lebih kata-kata. Bertitik tolak daripada pandangan pengkaji di atas, kajian ini cuba melihat pengaplikasian penggunaan telefon pintar dan internet dalam konsep pengajaran berstruktur ke atas para pelajar penutur asing yang mempelajari BM di Universiti Tenaga

Nasional (UNITEN). Pada masa yang sama kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana pendekatan yang digunakan dalam pengajaran BM ini dapat memberi kesan positif kepada kemahiran berkomunikasi pelajar. Selain daripada itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat sejauh manakah para pelajar dapat meningkatkan diri dalam pembelajaran mereka dengan penerapan kaedah yang dipilih dalam pengajaran BM ini. Jadi hasil kajian ini dapat dijadikan satu kayu ukur bagi mengenal pasti kaedah yang baik dan berkesan dalam meningkatkan kemahiran berkomunikasi (berbahasa Melayu) dalam kalangan penutur asing.

PROGRAM BAHASA MELAYU UNTUK PENUTUR ASING

Seperti kebanyakan universiti tempatan yang lain, UNITEN ataupun institusi-institusi pengajian tinggi lain di negara ini telah didatangi oleh para pelajar luar negara, terutamanya mereka yang datang dari Afrika, Arab Saudi, Yemen, Palestin, Mesir, Syria, Iran, Iraq, Qatar, Bahrain, Lebanon, India, Sri Lanka dan seumpamanya. Begitu juga yang datang dari Bangladesh, Myanmar, Vietnam, Indonesia dan negara-negara jiran yang lain. Walaupun ada yang datang dari negara-negara lain seperti German, Amerika, United Kingdom, Jepun, Korea, Australia, Khazakhtan namun jumlahnya tidaklah begitu ramai.

Pengajaran BM untuk penutur asing di UNITEN ini ataupun kod ringkasnya MALB 103, ditawarkan pada setiap semester, iaitu bagi memenuhi syarat LAN, khusus kepada para pelajar asing yang mengikuti sebarang jurusan di UNITEN. Sebanyak 42 jam pengajaran dan pembelajaran harus dimanfaatkan oleh para pelajar ini bagi memenuhi keperluan kursus. Program ini menerapkan kaedah pengajaran berstruktur yang melibatkan sepuluh topik pengajaran, iaitu yang berasaskan kerangka silibus yang disedia dan disarankan oleh Jabatan Pengajian Tinggi melalui Buku Garis Panduan Mata Pelajaran Umum universiti. Walau bagaimanapun, kesesuaian pengajaran dan teknik penyampaian adalah bergantung kepada tenaga pengajar. Pada setiap topik pengajaran tersebut terdapat sejumlah perkataan yang perlu didengar dan dirakam oleh pelajar. Rakaman ini dibuat melalui penggunaan telefon pintar yang dimiliki oleh setiap pelajar. Bagi menguji kemahiran berkomunikasi pelajar ini, satu ujian penyebutan dan hafalan dibuat ke atas pelajar ini bagi mengenal pasti sama ada pelajar ini mampu menyebut dengan baik atau ujarannya boleh didengari dan difahami oleh guru yang menilai. Justeru, kajian ini cuba melihat sama ada kaedah pengajaran seperti ini mampu meningkatkan kebolehan berkomunikasi pelajar dan sama ada kaedah ini mampu menarik minat para pelajar antarabangsa untuk terus mempelajari BM ataupun tidak. Teknik atau kaedah ini harus diteliti bagi melihat keberkesanannya sekali gus dapat dikongsi bersama agar BM bahasa warisan bangsa kita ini dapat dimartabat dan diangkat di mata dunia. Hasil dapatan kajian ini juga nanti boleh diguna pakai dan diaplikasikan oleh mana-mana tenaga pengajar dari mana-mana institusi dalam pengajaran mereka terhadap penutur asing ini.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini berbentuk deskriptif dengan menggunakan kaedah temu bual dan survei. Menurut Azizi et al. (2009), kajian deskriptif bertujuan untuk mendapatkan ukuran atau gambaran berkaitan dengan keadaan atau ciri populasi. Ringkasnya, kaedah kajian secara deskriptif ini dapat memainkan peranan penting dalam menunjukkan perhubungan yang mungkin berlaku, faktor penyebab, kesan dan proses dinamik dalam pengaplikasian sesuatu teknik atau strategi dengan kemahiran komunikasi penutur asing.

Umumnya, proses temu bual yang diaplikasikan dalam sesuatu kajian adalah bertujuan untuk mengumpul data mengenai responden atau informan. Wimmer R. D. dan Dominick J. R (2003) berpendapat bahawa temu bual bersemuka boleh memberikan jawapan yang mendalam terhadap soalan-soalan yang dibangkitkan. Penggunaan kaedah survei pula bertujuan untuk mendapatkan data yang lebih terperinci dan signifikan. Menurut Mohd Majid (2005), penggunaan soal selidik ini adalah untuk memperoleh maklumat yang berkaitan dengan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Dalam kajian ini, soal selidik yang dibina terbahagi kepada 2, iaitu bahagian A: Demografi dan Bahagian B: Persepsi pelajar antarabangsa sebagai penutur asing terhadap penggunaan telefon pintar dan internet dalam proses pembelajaran BM. Kajian ini menggunakan lima skala Likert (L), iaitu 1 (L_1) = sangat tidak setuju, 2 (L_2) = tidak setuju, 3 (L_3) = tidak pasti, 4 (L_4) = setuju dan 5 (L_5) = sangat setuju.

Satu modul pengajaran yang menerapkan kaedah berstruktur dengan mengaplikasikan penggunaan telefon pintar dan internet telah digunakan oleh guru dalam pengajaran bahasa Melayu kepada penutur asing yang menjadi subjek kajian ini. Data-data bagi kajian ini turut diperolehi semasa sesi pemerhatian pengkaji ketika berada di dalam kelas pengajaran. Justeru, selain menemubual guru-guru yang bertugas, data-data bagi kajian ini juga diperolehi melalui penelitian dokumen-dokumen bertulis seperti silibus yang diajar di dalam kelas, rancangan pengajaran guru, bahan-bahan pengajaran dan sesi pengajaran yang berlangsung. Sebanyak 56 borang soal selidik telah diedarkan kepada para pelajar asing ini. Kajian ini melibatkan seramai 56 orang pelajar yang mengambil kursus MALB103 (Bahasa Melayu untuk Pelajar Antarabangsa atau dalam kod MPU dikenali sebagai Bahasa Komunikasi) di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) pada semester terpilih. Sejumlah 56 orang pelajar antarabangsa ini terdiri daripada 50 orang pelajar lelaki yang mewakili 89% jumlah responden, iaitu yang berumur antara 18 hingga 24 tahun dan 6 orang pelajar perempuan yang mewakili 11% jumlah responden, iaitu yang berumur 25 hingga 35 tahun. Seramai 52 orang adalah bujang yang mewakili 93% dan 4 orang telah berkahwin yang mewakili 7 % daripada responden yang ada.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis hasil survei, pengkaji telah mengkategorikan dapatan kajian ini kepada empat aspek, iaitu keberkesanan penggunaan kaedah, keberkesanan penyampaian guru, motivasi dan sikap serta strategi pembelajaran. Keempat-empat aspek ini dipaparkan dalam bentuk jadual dan ditunjukkan dalam nilai peratusan.

Jadual 1 yang mewakili aspek keberkesanan kaedah penggunaan telefon pintar dan internet telah menunjukkan 66% informan bersetuju dan sangat bersetuju bahawa penyampaian kaedah pengajaran yang menggunakan telefon pintar dan internet ini adalah berkesan dan berjaya menarik minat pelajar asing mempelajari BM manakala 11% lagi tidak bersetuju. Berdasarkan kesesuaian kaedah penggunaan telefon pintar yang digunakan di dalam kelas pengajaran ini, dapat diterima dan mampu meningkatkan pemahaman pelajar, hasil kajian mendapati 63% daripada jumlah pelajar masing-masing bersetuju dan sangat bersetuju dalam perkara ini. Sejumlah 54% pelajar bersetuju dan sangat bersetuju bahawa tempoh penggunaan telefon pintar dan internet di dalam kelas ini adalah memadai manakala 39% lagi tidak pasti. Hasil kajian ini juga membuktikan bahawa pelajar asing ini dapat menerima pengaplikasian kaedah ini dalam pembelajaran mereka dan mereka mendapati kaedah ini berkesan dalam meningkatkan kebolehan berkomunikasi mereka.

Jadual 1: Keberkesanan kaedah penggunaan telefon pintar dan Internet					
Aspek	L ₁	L ₂	L ₃	L ₄	L ₅ (%)
Penyampaian kaedah	0	11	23	41	25 %
Kesesuaian kaedah	5	12	20	38	25 %
Tempoh penggunaan	3	4	39	34	20 %

Dalam penyampaian kaedah ini, guru perlu kreatif dalam memilih saluran atau item yang tepat dalam menyampaikan bahan pengajaran kepada pelajar. Bukan itu sahaja, malah guru juga perlu kreatif dan berinovasi dalam menyampaikan sesuatu idea atau perkara agar pelajar dapat menanggapi sesuatu yang diajar itu dengan lebih mudah dan jelas. Pemilihan saluran atau item yang tepat akan memastikan keberkesanan ilmu yang disampaikan dan membolehkan pelajar menerima ilmu tersebut dengan cepat dan berkesan. Jadual 2 di bawah ini mewakili aspek keberkesanan penyampaian guru termasuklah kreativiti guru dan bahan yang digunakan.

Jadual 2: Keberkesanan penyampaian guru dalam penggunaan telefon pintar dan internet					
Aspek	L ₁	L ₂	L ₃	L ₄	L ₅ (%)
Keberkesanan guru	4	5	13	30	48 %
Kreativiti guru	0	6	14	25	55 %
Bahan Autentik	0	7	37	38	18 %

Berdasarkan Jadual 2 di atas, sejumlah 48% informan sangat bersetuju bahawa kaedah penyampaian guru dalam penggunaan telefon pintar dan internet ini berjaya memberi kesan positif kepada pelajar asing dalam mempelajari BM manakala sejumlah 30% lagi bersetuju. Penyampaian guru dalam penggunaan telefon pintar ini dianggap sebagai suatu kaedah yang kreatif oleh pelajar dengan pemilihan bahan pengajaran yang autentik yang dapat menarik perhatian pelajar dan memudahkan pemahaman mereka untuk berkomunikasi. Justeru, terdapat sejumlah 80% pelajar yang sangat bersetuju dan bersetuju dalam perkara ini. Hasil kajian juga mendapati 56% daripada jumlah keseluruhan pelajar sangat bersetuju dan bersetuju bahawa pilihan bahan pengajaran yang digunakan oleh guru untuk kursus ini adalah bersifat autentik. Peratusan yang ada ini membuktikan bahawa pelajar asing ini lebih cenderung untuk mempelajari BM dan meningkatkan kebolehan berkomunikasi mereka apabila mereka dirangsang dan disuntik dengan daya kreativiti guru tidak kira sama ada teknik pengajaran yang digunakan mahupun bahan pembelajaran yang dipilih.

Melalui kajian ini, pengkaji mendapati bahawa pendedahan budaya Melayu melalui video dalam *YouTube* dan paparan visual jenis-jenis pakaian tradisional, makanan, permainan, alat muzik dan tarian tradisional Melayu melalui *google image*, sangat memberi kesan kepada pelajar dalam pemahaman dan penguasaan *kosa kata* BM. Peningkatan penguasaan *kosa kata* ini pula sudah pasti dapat membantu dan meningkatkan kemahiran berbahasa dan berkomunikasi pelajar asing ini. Perkara ini ditambah lagi oleh Adenan Ayob et al. (2011) yang menyatakan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran yang dibantu dengan elemen visual dapat meningkatkan proses pembelajaran sehingga empat kali ganda berbanding pengajaran secara lisan semata-mata.

Hal ini terbukti dan turut disokong oleh paparan yang terdapat pada Jadual 3 yang menunjukkan peratusan tinggi dalam keinginan pelajar untuk menguasai bahasa yang dipelajari, iaitu sejumlah 80% pelajar yang sangat bersetuju dan bersetuju dalam perkara ini yang menyatakan keinginan mereka untuk meneruskan lagi pembelajaran mereka ke tahap

yang lebih tinggi. Hal ini juga membuktikan bahawa pelajar mempunyai kecenderungan untuk meningkatkan kebolehan berkomunikasi masing-masing dengan rakan tempatan di university yang sama mahupun dengan penduduk tempatan semasa mereka pergi melancong di dalam negara pada cuti semester. Data Jadual 3 juga menunjukkan sejumlah 61% daripada keseluruhan pelajar sangat bersetuju dan bersetuju mempunyai minat yang tinggi untuk mempelajari dan berkomunikasi dalam BM.

Jadual 3: Aspek motivasi dan sikap dalam penggunaan telefon pintar dan internet

Aspek	L ₁	L ₂	L ₃	L ₄	L ₅ (%)
Minat Yang Tinggi	11	3	25	27	34 %
Keinginan Menguasai	0	2	18	23	57 %
Dorongan Guru	2	5	25	29	39 %

Antara tujuan utama pelajar asing untuk mendalami BM adalah untuk berkomunikasi dengan penduduk tempatan. Hal ini menjadikan mereka mempunyai minat yang tinggi untuk mempelajari dan menguasai BM agar mereka mudah untuk bergaul dan berada dalam kalangan orang tempatan. Kajian ini juga mendapati bahawa aspek minat yang tinggi dan keinginan untuk menguasai BM ini turut didorong oleh guru atau tenaga pengajar. Semasa sesi pemerhatian di dalam kelas, pengkaji mendapati guru bukan sahaja berperanan sebagai penyampai ilmu pengetahuan malah turut berperanan sebagai pembimbing dan mendorong pelajar untuk terus maju dan berjaya dalam kursus yang diambil. Di sini guru kelihatan lebih mesra dan senang didekati oleh pelajar yang memudahkan untuk pelajar meluahkan masalah mereka dalam proses pembelajaran. Justeru, 68% dalam kalangan responden adalah sangat bersetuju dan bersetuju bahawa dorongan guru juga membantu dan merangsang mereka untuk lebih maju dan meningkatkan kebolehan berkomunikasi mereka dalam BM.

Berdasarkan maklumat Jadual 3 dapat disimpulkan bahawa mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing bukanlah sesuatu yang mudah tetapi perkara ini mampu menarik minat penutur asing sekiranya ia diajar dengan cara yang kreatif dan teknik yang baik serta memudahkan pemahaman pelajar. Minat dan rasa mudah untuk mempelajari BM boleh dipupuk sekiranya pelajar tersebut dapat didorong dengan sikap positif pelajar itu sendiri dan juga motivasi daripada guru. Peningkatan minat ini bukan sekadar dalam mempelajari bahasa Melayu pada peringkat asas, tetapi juga untuk mempelajarinya di peringkat pertengahan ataupun yang lebih tinggi.

Jadual 4 pula menunjukkan aspek strategi pembelajaran pelajar melalui penggunaan telefon pintar dan internet. Dalam perkara ini, sejumlah 64% daripada keseluruhan pelajar memilih sangat bersetuju dan bersetuju dalam mengaplikasikan kaedah yang disarankan oleh guru kepada mereka. Mereka menggunakan kaedah yang telah diajar oleh guru bagi meningkatkan kebolehan berbahasa dan berkomunikasi mereka. Hasil kajian menunjukkan sejumlah 68% dalam kalangan pelajar berpendapat bahawa strategi penggunaan telefon pintar dan internet ini telah meningkatkan kemahiran berkomunikasi mereka. Dalam masa yang sama perkara ini turut merangsang dan membantu kemahiran berbahasa pelajar tidak kira sama ada dalam bentuk komunikasi bertulis mahupun lisan. Hal ini terbukti dengan jumlah peratusan bagi sangat bersetuju dan bersetuju adalah sebanyak 77%.

Jadual 4: Strategi pembelajaran pelajar dalam penggunaan telefon pintar dan internet

Aspek	L ₁	L ₂	L ₃	L ₄	L ₅ (%)
Mengaplikasikan Kaedah	0	7	29	32	32
Meningkatkan Komunikasi	0	5	27	29	39
Membantu Kemahiran	5	2	16	41	36

Berdasarkan dapatan kajian ini, ia menunjukkan bahawa pelajar asing mempunyai minat dan inisiatif sendiri untuk memajukan diri mereka dalam aspek berkomunikasi atau berbahasa Melayu. Justeru para pelajar ini bersetuju bahawa pendekatan pengajaran yang digunakan oleh guru adalah sangat berkesan dan sekali gus dapat merangsang minat mereka tehadap BM. Secara tidak langsung perkara ini mampu meningkatkan kemahiran berkomunikasi pelajar asing ini dan berkebolehan untuk berinteraksi dengan pelajar tempatan dalam BM.

Dapatan kajian juga turut mendapati, teknik pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah penggunaan telefon pintar dan internet ini akan menjadi lebih efektif sekiranya teknik ini digunakan untuk kelas yang bersaiz kecil. Saiz kelas yang kecil akan menbolehkan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berfokus dan tumpuan yang diberikan dalam aktiviti kelas akan lebih optimum.

Selain saiz atau kapasiti kelas, pelajar juga mencadangkan agar tempoh masa belajar dapat dilanjutkan. Menurut mereka, tempoh masa 14 minggu kuliah dengan tiga (3) jam perjumpaan seminggu memang memadai untuk mereka menguasai asas bahasa Melayu. Namun, para pelajar ini mendapati kaedah pengajaran DHS itu sangat menarik sehingga menyebabkan mereka berfikir perlunya kursus asas ini dilanjutkan ke peringkat pertengahan ataupun peringkat yang lebih tinggi. Pelajar turut mencadangkan agar kursus dengan kaedah DHS dalam pembelajaran berstruktur ini perlu disebarluaskan dan diguna pakai di universiti lain. Menurut mereka, kebanyakan universiti yang menempatkan rakan-rakan senegara tidak mengajar kursus BM seperti yang mereka peroleh sekarang. Ini menyebabkan wujud jurang antara mereka dengan rakan senegara yang lebih rendah pencapaian dan penguasaan BM selepas satu semester mempelajarinya.

Penggunaan Telefon Pintar

Melalui telefon pintar, guru mahupun pelajar bukan sahaja dapat mengakses internet malah dapat menggunakan telefon pintar tersebut sebagai alat perakam dan untuk mendengar semula. Dalam pengajaran BM kepada penutur asing ini, pada permulaan silibus tertentu, guru terlebih dahulu memperdengarkan kepada pelajar sejumlah perkataan. Semasa guru menyebut senarai perkataan tersebut dan perdengarkan kepada pelajar, pada masa yang sama pelajar diminta mengikuti sebutan guru sambil merakam ujaran senarai perkataan yang dibaca oleh mereka dan guru. Jumlah patah perkataan ini adalah bergantung kepada keperluan pelajar dan kesesuaian topik atau silibus yang disampaikan. Guru memberikan kepada pelajar sebanyak dua puluh hingga lima puluh patah perkataan pada setiap topik yang diajar. Contohnya, silibus yang berkaitan dengan kata nama. Di sini guru perdengarkan sejumlah kata nama yang berkaitan dan meminta pelajar menyebutnya semula. Aktiviti ini perlulah dirakam oleh pelajar melalui penggunaan telefon pintar tersebut. Di sini pelajar dapat mendengar hasil sebutan guru, guru dapat mendengar pelajar menyebutnya semula dan pelajar dapat menyimpan rakaman sebutan tersebut untuk didengar semula di rumah sebagai latihan mendengar dan bertutur. Setiap topik atau silibus yang diajar, terdapat sejumlah perkataan yang perlu didengar dan dirakam oleh pelajar. Rakaman ini dibuat

melalui penggunaan telefon pintar yang dimiliki oleh setiap pelajar. Contohnya, kelompok perkataan yang boleh diberikan kepada pelajar yang mengikut topik atau silibus tertentu, dapat ditunjukkan seperti di bawah berikut.

Minggu	Topik / Silibus	Senarai Perkataan
1	Kata Ucapan	selamat pagi, selamat tengah hari, selamat petang, selamat malam, selamat jalan, selamat tinggal, tahniah, terima kasih dan sebagainya.
2	Kata Nama Am	kereta, rumah, baju, kasut, mata, tangan, buku, bola, kertas, kuih, buah dan sebagainya.
3	Kata Nama Keluarga	ayah, ibu, adik, abang, kakak, makcik, pakcik, datuk, nenek, sepupu dan sebagainya.
4	Kata Ganti Nama	saya, aku, awak, engkau, dia, mereka, kami, kita, beliau dan sebagainya.
5	Kata Bilangan	satu, dua, tiga, empat, lima, enam belas, tujuh belas, lapan puluh, sembilan ratus dan sebagainya.
6	Kata Adjektif	merah, putih, tinggi, besar, kuat, kecil, panjang, manis, masam, hitam dan sebagainya.
7	Kata Kerja	baca, tulis, makan, minum, masak, duduk, nyanyi, gosok, cuci, ambil dan sebagainya

Bagi menguji kemahiran berbahasa pelajar ini, satu ujian penyebutan dan hafalan dibuat ke atas pelajar ini bagi mengenal pasti sama ada pelajar ini mampu menyebut dengan baik atau ujarannya boleh didengari dan difahami oleh guru yang menilai. Menurut tenaga pengajar kursus ini, kaedah ini dinamakan DHS (Dengar, Hafal dan Sebut). Kaedah DHS ini melibatkan 3 peringkat, iaitu (i) rakam dan sebut, (ii) dengar dan hafal, (iii) sebut dan faham. Setiap himpunan perkataan atau item yang telah dihafal dan diujar dengan baik akan diberi markah. Inilah kaedah yang digunakan bagi merangsang kemahiran berbahasa pelajar antarabangsa ini melalui penggunaan telefon pintar. Oleh kerana rakaman disimpan dalam simpanan telefon pintar maka pelajar boleh mengulang dengar rakaman sambil memperbaiki sebutan mereka pada bila-bila masa atau di mana sahaja mereka berada. Rakaman ini bukan sahaja boleh dilakukan terhadap ujaran patah perkataan malah rakaman ini juga boleh dibuat ke atas aktiviti-aktiviti kelas yang lain seperti lakonan perbualan ataupun kaedah main peranan bagi tujuan meningkatkan kebolehan berkomunikasi mereka. Contoh lakonan perbualan bagi topik Kata Ucapan, Kata Nama dan Kata Tanya dapat ditunjukkan seperti di bawah berikut.

- A: Selamat pagi. Awak apa khabar?
- B: Selamat pagi. Saya khabar baik.
- A: Siapa nama awak?
- B: Nama saya Atif.
- A: Siapa nama awak?
- B: Nama saya Andrew.
- A: Di mana awak tinggal?
- B: Saya tinggal di asrama.

Bagi mengukuhkan lagi kemahiran berkomunikasi pelajar asing ini, guru boleh meminta pelajar ini menulis bagi menyediakan teks perbualan ini sebelum rakaman dibuat. Rakaman ini pula boleh dirakam sama ada dalam bentuk audio sahaja ataupun dalam

bentuk video. Bagi mengaplikasikan kaedah ini dengan baik, guru perlu menyusun rancangan pengajaran mereka dengan teliti. Sesungguhnya kaedah pengajaran seperti ini mampu meningkatkan kemahiran berkomunikasi termasuklah aspek bertulis dan lisan pelajar. Pada masa yang sama kaedah seperti ini mampu menarik minat para pelajar antarabangsa ini untuk terus mempelajari dan berkomunikasi dalam BM. Oleh yang demikian, penggunaan telefon pintar ini bukan sahaja dapat dijadikan sebagai alat bantu mengajar malah menjadi medium untuk meningkatkan pemahaman dan kemahiran berkomunikasi para pelajar asing ini, iaitu dapat menguasai BM dengan mudah, cepat dan berkesan.

Penggunaan Internet Melalui YouTube

Melalui penggunaan telefon pintar guru dan pelajar dapat melayari internet. Dalam aktiviti melayari internet, penggunaan *YouTube* merupakan yang paling gemar diaplikasikan oleh guru dalam proses pengajaran BM kepada penutur asing ini. Melalui *YouTube* ini, guru dan pelajar dapat mengakses pelbagai jenis video yang boleh digunakan bagi kemudahan pengajaran dan pembelajaran. Video-video ini adalah seperti video lagu, video filem, video-video dokumentari yang melibatkan budaya dan masyarakat Melayu serta video-video pengajaran yang sedia ada dalam koleksi *YouTube*. Di sini guru perlu rajin untuk meneliti video-video ini bagi memastikan video yang dipilih itu sesuai dan mempunyai informasi tertentu yang dapat menyokong pengajaran guru serta meningkatkan kemahiran berbahasa pelajar. Dalam memilih video lagu, guru mestilah memikirkan kriteria-kriteria seperti lirik (penggunaan bahasa) yang bersesuaian dengan tahap pelajar, sebutan penyanyi dalam video tersebut perlulah jelas dan video tersebut perlu juga ada sarikata atau lirik agar memudahkan pelajar asing mendengar dan memahami perkataan yang diujarkan oleh penyanyi. Sebagai contoh video lagu *Apa Khabar Orang Kampung, Balik Kampung* dan *Warisan* nyanyian Sudirman Haji Arshad telah menjadi pilihan guru dalam pengajaran kursus ini sebagai bahan pengajaran tahap asas.

Pembelajaran melalui video lagu ini bukan sahaja dapat membantu meningkatkan kemahiran mendengar dan sebutan pelajar, malah aktiviti ini juga dapat mengukuh penguasaan berbahasa dan berkomunikasi sambil menambah lagi bilangan kosa kata yang ada pada pelajar. Jika pelajar tersebut berkebolehan dalam aktiviti nyanyian ini maka ini merupakan satu bonus kepada guru kerana berjaya mencungkil dan mengenal pasti kebolehan serta bakat pelajar seterusnya dapat menjadikan ini sebagai persediaan pelajar tersebut untuk menyertai pertandingan nyanyian lagu Melayu oleh pelajar asing di peringkat kebangsaan. Sesungguhnya aktiviti seperti ini dapat menggalakkan lagi penutur asing ini untuk berkomunikasi dalam BM. Kaedah ini mampu memberi kesan positif kepada kemahiran dan kebolehan berbahasa pelajar. Aktiviti yang sama juga boleh dilakukan pada tahap-tahap yang berbeza tetapi pemilihan lagu mestilah bersesuaian dengan tahap pembelajaran pelajar.

Melalui *YouTube* juga, guru dan pelajar boleh mengakses video sesuatu filem. Kajian mendapati video filem ini sesuai ditayang atau diperdengarkan kepada pelajar yang sudah menguasai sejumlah kosa kata BM, tidak kira pada tahap mana pelajar tersebut. Walau bagaimanapun, guru mestilah memilih video yang sesuai untuk paparan pelajar. Dalam hal ini Ronaldi Saleh et al. (2011) berpendapat bahawa grafik dan animasi adalah sesuatu yang menarik serta dapat mengekalkan fokus pelajar terhadap bahan pembelajaran. Jadi, kesesuaian video ini bukan hanya bergantung kepada penggunaan bahasanya malah

paparan visual serta mesej yang terkandung di dalamnya juga perlu dipertimbangkan oleh guru. Dapatkan kajian menunjukkan pada tahap asas guru memilih video kanak-kanak seperti Upin Ipin sebagai bahan pengajaran. Bagi tahap pertengahan pula video-video seperti program memasak dan drama-drama ringan pula dihidangkan kepada pelajar. Video seperti progam memasak ini sangat baik kepada pelajar kerana pelajar dapat mengukuhkan penggunaan bahasa proses yang telah dipelajarinya. Video seperti ini amat membantu untuk penutur asing berkomunikasi, iaitu dalam menjelaskan sesuatu proses atau perkara satu demi satu. Sebagai contoh, pelajar dapat diperkenalkan dengan patah perkataan atau rangkai kata seperti berikut;

Mula-mula ...
Pertama sekali ...
Terlebih dahulu ...
Keduanya ...
Kemudian ...
Selepas itu ...
Sebelum itu ...
Seterusnya ...
Kesimpulannya ...
Akhir sekali ...

Melalui peggunaan kata-kata seperti ini, sudah pasti kemahiran komunikasi pelajar akan lebih tersusun dan bersistematis. Di sini pelajar dapat mengatur dan menyusun idea mereka secara berperingkat dan mempunyai kesinambungan cerita yang lebih terarah. Selain itu, video-video filem dokumentari yang berkaitan dengan budaya Melayu, negara dan masyarakat Malaysia, tempat-tempat menarik di Malaysia dan sebagainya juga boleh diguna pakai sebagai bahan pengajaran, iaitu yang lebih sesuai pada tahap yang lebih tinggi. Bukan itu sahaja, malah video-video yang berkaitan dengan pakaian, permainan, makanan dan alat muzik serta seni tari tradisi juga dapat diguna pakai dalam usaha meningkatkan pemahaman dan kemahiran komunikasi pelajar asing ini. Walau bagaimanapun, bagi pelajar yang ingin membuat latihan tambahan dengan aktiviti seperti ini haruslah mendapat nasihat dan bimbingan daripada guru agar tidak tersalah memilih drama atau video yang ingin ditonton.

KESIMPULAN

Tidak dinafikan bahawa pengajaran menggunakan teknologi seperti telefon pintar dan internet merupakan satu strategi menyeluruh dalam menentukan tahap kebolehan berbahasa pelajar. Strategi yang menyeluruh ini tidak hanya tertumpu kepada pelajar tetapi juga guru sebagai penggerak kepada penggunaan kaedah dan teknik mengajar yang dipilih. Guru perlu bijak dalam memilih kaedah yang terbaik dan sesuai dengan tahap kebolehan berbahasa pelajar mereka. Kajian ini mendapati mekanisme penggunaan telefon pintar dan internet ini mampu meningkatkan kemahiran berkomunikasi pelajar asing terutama mereka yang mengikuti jurusan sains dan teknikal. Bukan itu sahaja, malah peningkatan kemahiran komunikasi ini turut terlihat dalam kedua-dua aspek kemahiran, iaitu lisan dan bertulis. Dalam perkara ini guru perlu menyuntik idea yang lebih kreatif, inovatif dan menarik bagi meningkatkan minat serta memotivasi pelajar untuk terus belajar dan meningkatkan kemahiran berkomunikasi mereka. Justeru, gaya pengajaran dan peranan guru turut

memainkan peranan penting dalam mendukung perkara ini. Kaedah penggunaan telefon pintar dan internet sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran BM kepada penutur asing dilihat sebagai suatu perkembangan yang baik dan berjaya mewujudkan suasana yang lebih berinovasi. Ringkasnya, kepelbagaiannya teknologi yang diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa ini mampu menjurus ke arah yang lebih positif dan berkesan dalam meningkatkan kebolehan berkomunikasi individu sama ada pada tahap yang berbeza mahupun golongan sasaran yang berbeza latarnya.

BIODATA

Mardian Shah Omar merupakan Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Bidang kepakaran beliau ialah Fonetik & Fonologi, Fonetik Akustik dan juga Pengajaran Bahasa Melayu Untuk Penutur Asing. Emel: mardianso@um.edu.my

Mashrom Muda merupakan Pensyarah Kanan Jabatan Sosiobudaya & Kesenian Melayu di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Bidang kepakaran beliau ialah Sosiologi Kesihatan, Wanita dan HIV Positif, Wanita dan Kualiti Kehidupan, Wanita dan Pemerksaan Diri. Emel: mashrom@um.edu.my

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian, Norhashimah Hashim & Shamsudin Othman. (2012). Multimedia Interaktif Mempertingkatkan Pembelajaran Kemahiran Membaca Murid-Murid PROBIM. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2.2(2), 46-53.
- Adenan Ayob, Kamariah Abu Bakar, Zakaria Kasa, & Aida Suraya Md Yunus. (2011). *Multimedia dalam pengajaran Bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Emeritus Publication.
- Azizi Yahaya, Noordin Yahaya, & Abd Munaem. (2010). Gaya kepimpinan guru besar dan hubungannya dengan faktor kepimpinan di Sekolah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru*, 5, 37-62.
- Azizi Yahaya. (2007). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Burgess, R. (1984). *In the field: An introduction to field research*. London: Routledge.
- Burley-Allen, M. (1995). *Listening the forgotten skill: A self-teaching guide* (2nd Ed.) New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Dewi Anggrayni, & Cheng Peng Kee. (2018). Analisis strategi komunikasi ahli parlimen dalam program siaran interaktif di radio Republik Indonesia & Radio Elshinta. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(3), 177-191.
- Doyle, M. (2007). Learning language through information technology. *Educational Technology*, 30(7).
- Eristi, S. D., & Belet, S. D. (2010). Teachers' an students' opinon about the interactive instructional environment designed for bilingual Turkish primary school students in Norway. *Turkish Online Journal of Qualitative Inquiry*, 1(1), 3034.
- Latifah Abdul Majid, Wan Nasyrudin Wan Abdullah, & Nurul Hidayah Ahmad Zakhi. (2012). Penerapan nilai murni dan pembentukan jati diri kanak-kanak prasekolah melalui penggunaan multimedia. *Journal Hadhari Special Edition*, 51-56.
- McNeill, D. (1966) Development psycholinguistics. In Smith F., & Miller, G (Eds.), *The genesis of language: Psycholinguistics approach*. Cambridge: Mass Press.
- Media Sandra Kasih. (2004). *Bahasa Melayu di mata penutur asing*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Megat Aman Zahiri, & Norliah Saman. (2005). Pembangunan dan penilaian perisian berbantuan komputer bertajuk promosi menggunakan elemen motivasi ARCS. *Prosiding 3rd International Seminar on Learning and Motivation*, Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Afif Abidin. (2004). *Pengajaran Bahasa Melayu laras ilmiah kepada pelajar asing*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mora J. K. (2008). *Second-language teaching methods: Principles & procedures*. San Diego State University.
- Blas, N. D., & Boretti, B. (2009). Interactive storytelling in pre-school: A case-study. *IDC*.
- Nor Hafidah Ibrahim, Norzaliza Ghazali, & Melor Fauzita Md. Yusoff. (2016). Multimedia interaktif mempertingkatkan pengajaran dan pembelajaran kursus bahasa Melayu pengurusan (SBLM 1053) dalam kalangan pelajar Universiti Utara Malaysia. *Proceeding of ICECRS*, 583-586.
- Noraihan Mat Daud. (Editor). (2018). *Bahasa Melayu untuk penutur asing: Isu dalam pengajaran dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nunan, D. (1998). Approaches to teaching listening in language classroom. *Proceeding of 1997 Korea TESOL Conference*, Taejon, Korea, KOTESOL.
- Nusir, S., Alsmadi, I., Al-Kabi, M., & Syaradga, F. (2012). Studying the impact of using multimedia interactive programs at children ability to learn basic math skills. *E-learning and Digital Media*, 10(3), 305-319.
- Oliver, P. (2006). *The management of education change: A case study approach*. Aldershot: Arena Ashgate Publications Ltd.
- Richards, J. C., & Schmidt, R. (2010). *Dictionary of language teaching & applied linguistics* (4th. ed.). Harlow, Great Britain: Pearson Education Limited.
- Ronaldi Saleh Umar, Fadilahwati Abdul Rahman, Fattawi Mokhtar, & Noraziah Alias. (2011). Menggunakan animasi di dalam instruksi khas untuk kanak-kanak disleksia. *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia*, 1(2), 27-38.
- Robiatul A'Dawiyah Jamaluddin, & Halimah Badioze Zaman. (2010). Pakej pebelajaran sains kanak-kanak prasekolah untuk tema meneroka angkasa menggunakan pendekatan cerita animasi interaktif. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Ke-4*, 715-725.
- Rost, M. (1991). *Listening in action: Activities for developing listening in language teaching*. New York: Prentice Hall.
- Sharifah Nor Puteh, & Kamarul Azman Abd Salam. (2011). Tahap kesediaan penggunaan ICT dalam pengajaran dan kesanya terhadap hasil kerja dan tingkah laku murid prasekolah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 36(1), 25-34.
- Syahrul Nizam Junaini. (2009). *Anakku celik komputer*. Shah Alam: Buku Prima Sdn. Bhd.
- Uthaya Sankar S. B. (2004). *Pengajaran bahasa kebangsaan kepada pelajar luar negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wimmer, R. D., & Dominick, J. R. (2003). *Mass media research: An introduction*. Boston: Cengage Learning Publication.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2008). *Mengantarabangsakan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zamri Mohammod, & Mohamed Amin (editor). (2008). *Teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.